

Asharaf Mohd Ramli, Abdullaah Jalil, Norman Hamdan, Asmaddy Haris, & Mohd Aizuddin Abd. Aziz. (2014). **Fatwa-fatwa Berkaitan Pengurusan Ekonomi dan Kewangan Masjid**. Jurnal Pengurusan dan Penyelidikan Fatwa, 4, 91-111.

FATWA-FATWA BERKAITAN PENGURUSAN EKONOMI DAN KEWANGAN MASJID

Oleh:

Asharaf Mohd. Ramli
Abdullaah Jalil
Norman Hamdan
Asmaddy. Haris
Mohd. Aizuddin Abd. Aziz
Universiti Sains Islam Malaysia (USIM)

Abstrak

Pengurusan dan pentadbiran masjid di Malaysia adalah terletak di bawah bidang kuasa Majlis Agama Islam Negeri-Negeri (MAIN). Manakala pengurusan dan pentadbiran ekonomi dan kewangan masjid-masjid diurus oleh ahli jawankuasa masjid di bawah seliaan MAIN. Terdapat masjid-masjid yang mempunyai sumber ekonomi yang kukuh yang dijana oleh hasil aset-aset wakaf seperti tanah, bangunan dan peralatan yang disewakan selain kutipan tabung-tabung khas dan am seperti tabung hari Jumaat. Namun di dalam menguruskan dana-dana masjid yang adakalanya mencecah ratusan ribu ringgit, tidak terdapat garis panduan khas Shariah untuk diikuti oleh pihak pentadbiran masjid. Ini telah menyebabkan terdapat dana-dana masjid yang bernilai tinggi beku tidak dijana dengan sebaiknya. Justeru, objektif utama kajian ini ialah untuk menganalisa fatwa-fatwa yang dikeluarkan oleh badan-badan fatwa samada di dalam (Malaysia) dan luar negara (Brunei) tentang perkara-perkara yang berkaitan dengan pengurusan pendapatan dan perbelanjaan dana-dana masjid. Dengan adanya garis panduan tersebut akan memudahkan pihak pengurusan masjid mentadbir dan mengurus dana-dana yang diperolehi. Artikel ini adalah sebahagian dari hasil penyelidikan yang dijalankan berkaitan pengurusan ekonomi dan kewangan masjid-masjid di Daerah Hulu Langat, Selangor.

Pendahuluan

Institusi masjid telah memainkan peranan yang penting di dalam masyarakat Islam semenjak dari zaman Rasulullah sehingga masa kini. Selain menjadi tempat umat Islam berkumpul untuk menunaikan solat secara berjemaah, masjid juga mempunyai pelbagai peranan lain yang lebih luas seperti sebagai pusat dakwah, tempat orang-orang Islam mempelajari ilmu-ilmu agama, pusat ekonomi dan pusat aktiviti masyarakat setempat. Memandangkan institusi masjid mempunyai fungsi yang amat penting kepada umat Islam, maka aspek pengurusan masjid yang tersusun dan sistematik perlu diberi perhatian terutamanya yang berkaitan dengan pengurusan kewangan dan ekonomi. Ini bagi menjamin kelangsungan aktiviti-aktiviti masjid yang memberi manfaat kepada ahli kariah yang amat bergantung kepada pengendalian sumber pendapatan yang diperolehi dan juga penyaluran dana masjid secara efektif. Namun begitu perlulah dipastikan

Asharaf Mohd Ramli, Abdullaah Jalil, Norman Hamdan, Asmaddy Haris, & Mohd Aizuddin Abd. Aziz. (2014). **Fatwa-fatwa Berkaitan Pengurusan Ekonomi dan Kewangan Masjid**. *Jurnal Pengurusan dan Penyelidikan Fatwa*, 4, 91-111.

bahawa di dalam menguruskan pendapatan dan perbelanjaan masjid, pihak pengurusan masjid merujuk kepada garis panduan fatwa-fatwa yang dikeluarkan samada oleh badan fatwa di dalam dan diluar negara bagi memastikan ianya tidak terkeluar daripada landasan syariah.

Peranan Fatwa di dalam Pengurusan Ekonomi dan Kewangan Masjid

Pengurusan dan pentadbiran masjid di Malaysia adalah terletak di bawah bidang kuasa Majlis Agama Islam Negeri-Negeri (MAIN). Manakala pengurusan dan pentadbiran ekonomi dan kewangan masjid-masjid diurus oleh ahli jawankuasa masjid di bawah seliaan MAIN. Terdapat masjid-masjid yang mempunyai sumber ekonomi yang kukuh yang dijana oleh hasil aset-aset wakaf seperti tanah, bangunan dan peralatan yang disewakan selain kutipan tabung-tabung khas dan am seperti tabung hari Jumaat. Namun di dalam menguruskan dana-dana masjid yang adakalanya mencecah ratusan ribu ringgit, tidak terdapat garis panduan khas Syariah untuk diikuti oleh pihak pentadbiran masjid. Ini telah menyebabkan terdapat dana-dana masjid yang bernilai tinggi beku tidak dijana dengan sebaiknya.

Pengurusan dana masjid adalah merupakan satu bentuk pengurusan harta amanah yang terdiri daripada harta wakaf, dana tabarru' seperti sedekah, khairat kematian dan lain-lain. Harta dan dana ini adalah tertakluk kepada hukum-hukum Syariah yang berkaitan berdasarkan niat dan akad pihak penyumbang dana dan harta tersebut. Pihak pengurusan masjid tidak mempunyai kuasa mutlak di dalam membelanjakan harta dan dana tersebut. Ini adalah kerana pihak pentadbiran masjid hanyalah bertindak sebagai pemegang amanah ataupun nazir yang dilantik untuk menguruskan harta wakaf dan dana tabarru' tersebut. Oleh itu, pihak pengurusan masjid perlulah mempunyai pengetahuan Syariah yang jelas dalam menguruskan pendapatan dan perbelanjaan sesebuah masjid.

Berdasarkan beberapa temubual penyelidik dengan beberapa pihak pengurusan masjid yang bukan berlatarbelakang pengajian Islam, mereka menyatakan bahawa salah satu sebab yang menghalang pengurusan ekonomi dan kewangan masjid ialah ketiadaan garis panduan yang benar-benar jelas dalam menerangkan tatacara pengurusan pendapatan dan perbelanjaan dana masjid. Sekiranya masalah yang berlaku adalah tidak mendesak, pihak masjid boleh merujuk Jawatankuasa Fatwa Negeri atau Wilayah. Namun begitu, proses pengeluaran fatwa yang memakan masa yang agak panjang tidak sesuai bagi kes-kes yang mendesak. Terdapat juga keadaan di mana pihak pengurusan masjid berada di dalam keadaan ragu-ragu di dalam membuat keputusan seperti:

Asharaf Mohd Ramli, Abdullaah Jalil, Norman Hamdan, Asmaddy Haris, & Mohd Aizuddin Abd. Aziz. (2014). **Fatwa-fatwa Berkaitan Pengurusan Ekonomi dan Kewangan Masjid**. Jurnal Pengurusan dan Penyelidikan Fatwa, 4, 91-111.

- penggunaan dana masjid untuk pembinaan masjid yang baru di kawasan lain,
- pemberian sedekah daripada dana masjid kepada pihak luar yang datang membuat rayuan di kawasan masjid dan isu-isu lain.

Ketiadaan garis panduan yang jelas dan terperinci menyebabkan sebahagian pihak pengurusan masjid banyak membuat keputusan berdasarkan mesyuarat pihak pengurusan masjid. Adakalanya keputusan dibuat berdasarkan keputusan individu yang bertugas dalam keadaan tersebut.

Objektif dan Kaedah Analisa

Objektif artikel ini ialah:

- mencadangkan model asas bagi pengurusan ekonomi masjid;
- menganalisa fatwa-fatwa berkaitan ekonomi dan kewangan masjid dari negeri-negeri terpilih di Malaysia dan Brunei berdasarkan model yang dicadangkan.

Bagi tujuan mencapai objektif artikel ini, pihak penyelidik merujuk kepada sumber-sumber sekunder yang terdiri daripada buku-buku fatwa, artikel seminar, laman sesawang berkaitan dan sebagainya. Pihak penyelidik menganalisa maklumat-maklumat yang berkaitan secara deduktif dan induktif bagi mencadangkan model pengurusan ekonomi masjid. Seterusnya, pihak penyelidik menyusun dengan ringkas dan padat fatwa-fatwa berkaitan berdasarkan model pengurusan ekonomi masjid dan disusuli dengan analisa ringkas.

Struktur artikel adalah dimulai dengan pendahuluan diikuti dengan perbincangan model pengurusan ekonomi dan kewangan masjid di Malaysia. Seterusnya fatwa-fatwa berkaitan pendapatan dan perbelanjaan masjid akan diutarakan berpandukan kepada model pengurusan ekonomi masjid. Artikel ini akan diakhiri dengan analisa fatwa dan cadangan.


Model Pengurusan Ekonomi dan Kewangan Masjid

Pengurusan ekonomi dan kewangan masjid adalah merupakan perkara yang penting bagi memastikan kesinambungan peranan masjid sebagai pusat kegiatan umat Islam samada ianya berbentuk spritual ataupun fizikal. Mengikut Kamus Dewan Edisi Keempat pengurusan adalah merujuk kepada “perihal (kerja dan sebagainya) mengurus sesuatu, perihal mengurus (syarikat, badan perniagaan, dan lain-lain) (www.dbp.gov.my).. Manakala “ekonomi pula bermaksud ilmu berkaitan pengeluaran, pengagihan dan penggunaan barang-barang dan perkhidmatan” (www.dbp.gov.my).. Bagi institusi masjid barang-barang yang boleh menjadi sumber ekonomi kepada pihak masjid ialah harta-harta wakaf seperti dewan masjid yang boleh disewakan bagi

Asharaf Mohd Ramli, Abdullaah Jalil, Norman Hamdan, Asmaddy Haris, & Mohd Aizuddin Abd. Aziz. (2014). **Fatwa-fatwa Berkaitan Pengurusan Ekonomi dan Kewangan Masjid.** Jurnal Pengurusan dan Penyelidikan Fatwa, 4, 91-111.

majlis perkahwinan dan persidangan. Selain itu terdapat juga masjid yang mempunyai rumah-rumah sewa dan bangunan kedai yang disewakan dan hasilnya menjadi hak masjid. Manakala aspek kewangan pula merujuk kepada “perihal wang (keadaan atau urusan wang) segala sesuatu yang berkaitan dengan wang” (www.dbp.gov.my).. Termasuklah di dalam definisi ini aspek perakaunan masjid yang meliputi rekod-rekod keluar masuk duit dan sebagainya. Daripada definisi di atas, maka bolehlah disimpulkan bahawa pengurusan ekonomi dan kewangan masjid merujuk kepada kaedah-kaedah yang digunakan oleh pihak pengurusan masjid di dalam menguruskan sumber ekonomi dan kewangan masjid dan juga tatacara penyaluran dana atau wang yang diperolehi bagi menjalankan segala aktiviti masjid.

Carta 1: Pengurusan Ekonomi dan Kewangan Masjid



Pengurusan ekonomi dan kewangan masjid melibatkan dua aspek utama iaitu pendapatan dan perbelanjaan yang meliputi kaedah-kaedah untuk memperoleh dana atau aset dan tatacara penyaluran hasil-hasil yang diperolehi bagi kegunaan masjid. Carta 1 menunjukkan model pengurusan ekonomi dan kewangan masjid yang menunjukkan bahawa pendapatan masjid boleh dijana melalui dua sumber utama iaitu sumber pendapatan yang berbentuk khusus dan am. Dana am adalah bentuk dana yang boleh dibelanjakan secara umum tanpa tujuan khusus. Dana khusus pula adalah merujuk kepada dana yang mempunyai tujuan tertentu dan khusus. Manakala perbelanjaan pula boleh dibahagikan kepada tiga bahagian iaitu perbelanjaan bagi *idari*, *ijtima'ie* dan *tijari*. *Idari* adalah merujuk kepada perbelanjaan berkaitan pentadbiran masjid, *ijtima'ie* adalah merujuk kepada segala aktiviti masjid yang tidak bermotifkan keuntungan, manakala *tijari* adalah merujuk kepada aktiviti masjid yang bermotifkan keuntungan. Perbincangan terperinci mengenai pendapatan dan perbelanjaan masjid adalah seperti di bawah.


Asharaf Mohd Ramli, Abdullaah Jalil, Norman Hamdan, Asmaddy Haris, & Mohd Aizuddin Abd. Aziz. (2014). **Fatwa-fatwa Berkaitan Pengurusan Ekonomi dan Kewangan Masjid**. Jurnal Pengurusan dan Penyelidikan Fatwa, 4, 91-111.

Pendapatan Masjid

Seperti yang dipaparkan di dalam Carta 2 di bawah, pendapatan khusus masjid diperolehi melalui dana bertujuan tertentu seperti dana untuk membeli peralatan pembesar suara masjid dan dana untuk membeli permaidani baru masjid. Dana bertujuan khusus ini kebiasaannya diadakan di dalam suatu tempoh tertentu bagi mengumpulkan wang bagi jumlah yang tertentu. Apabila telah sampai tempoh masa dan jumlah wang yang dikehendaki berjaya dikumpul maka tabung terbabit akan ditutup. Khairat kematian pula merujuk kepada tabungan wang yang dikumpulkan melalui pembayaran yuran oleh ahli kariah masjid untuk digunakan bagi perbelanjaan pengurusan jenazah. Nilai yurannya pula berbeza mengikut kawasan seperti kawasan bandar mungkin kadarnya lebih sedikit dari kampung kerana kosnya yang lebih mahal. Termasuk di dalam kategori pendapatan khusus iaitu peruntukan khusus yang diperolehi oleh pihak masjid samada dari Majlis Agama Islam Negeri (MAIN), syarikat swasta dan individu perseorangan. Kebanyakan Masjid Negeri dan Masjid Daerah misalnya mendapat geran peruntukan secara langsung dari MAIN. Manakala terdapat juga masjid yang dibiayai sepenuhnya oleh syarikat swasta seperti Kumpulan Masjid An-Nur di negeri Johor yang ditadbir dan diurus oleh Johor Corporation (Jcorp) (www.jcorp.com.my).

Carta 2: Pendapatan Masjid

Asharaf Mohd Ramli, Abdullaah Jalil, Norman Hamdan, Asmaddy Haris, & Mohd Aizuddin Abd. Aziz. (2014). **Fatwa-fatwa Berkaitan Pengurusan Ekonomi dan Kewangan Masjid.** *Jurnal Pengurusan dan Penyelidikan Fatwa*, 4, 91-111.



Sumber pendapatan masjid yang berbentuk umum (sebagai contoh) terdiri daripada peruntukan umum, sumbangan berkala, sumbangan tidak berkala dan keuntungan aktiviti. Peruntukan umum adalah berupa dana atau tabungan yang tidak khusus kepada kegunaan-kegunaan tertentu. Pihak masjid bolehlah menggunakan hasil dana yang dikumpulkan ini untuk tujuan-tujuan yang difikirkan perlu. Sumbangan berkala pula merangkumi hasil kewangan yang diperolehi melalui potongan gaji oleh individu ahli kariah atau orang perseorangan yang lain samada bulanan atau tahunan. Di samping itu sumbangan berkala juga boleh diperolehi melalui program anak angkat masjid yang melibatkan penyaluran dana oleh syarikat-syarikat swasta ke atas masjid-masjid yang dijadikan anak angkat syarikat terbabit.

Sumbangan tidak berkala boleh didapati daripada tabarru' atau derma, wakaf dan hibah. Ianya adalah merupakan sumber dana tradisi yang diperolehi oleh masjid terutamanya tabung-tabung pada hari Jumaat dan dua hari raya iaitu Hari Raya Aidilfitri dan Hari Raya Aidilfitri. Jumlah tabungan yang diperolehi oleh masjid pada hari jumaat berbeza mengikut kawasan yang mana kutipan yang diperolehi oleh masjid-masjid yang terletak kawasan bandar lebih tinggi dari masjid-masjid di kampung. Sebagai contohnya terdapat masjid yang terletak di bandar Kulim yang mempunyai pendapatan yang melebihi RM 1000 sebulan yang diperolehi daripada tabung

Asharaf Mohd Ramli, Abdullaah Jalil, Norman Hamdan, Asmaddy Haris, & Mohd Aizuddin Abd. Aziz. (2014). **Fatwa-fatwa Berkaitan Pengurusan Ekonomi dan Kewangan Masjid.** Jurnal Pengurusan dan Penyelidikan Fatwa, 4, 91-111.

umum hari Jumaat (Zakaria & Mohd Kamal: 2004: 256,257). Selain menerima bantuan dan sumbangan melalui tabungan-tabungan yang diwujudkan, terdapat juga pihak pengurusan masjid yang memperolehi pendapatan melalui hasil sewa aset wakaf masjid, keuntungan jualan, pulangan pelaburan dan yuran program.

Perbelanjaan Masjid

Bagi memastikan perbelanjaan masjid dapat diuruskan secara efektif dan sistematik, ianya perlulah dikategorikan kepada tiga kategori iaitu perbelanjaan yang berbentuk *idari*, *ijtima'ie* dan *tijari*. Perbelanjaan *idari* merujuk kepada sumber kewangan yang disalurkan bagi urusan pengurusan dan pentadbiran masjid yang meliputi pembayaran bil air dan elektrik, penyelenggaraan masjid seperti membaiki tandas, pembangunan masjid dan upah atau elaun tertentu (jika ada) yang dibayar kepada tukang cuci misalnya. Memandangkan perbelanjaan ini merupakan kategori perbelanjaan yang terpenting, maka pihak pengurusan masjid perlulah memperuntukkan jumlah wang tertentu dari dana yang diperolehi bagi menampung segala perbelanjaan di atas. Kegagalan pihak pengurusan masjid mendapatkan sumber kewangan yang mencukupi untuk memenuhi keperluan perbelanjaan *idari* akan mendatangkan masalah seperti talian elektrik diputuskan dan sebagainya.


Perbelanjaan *ijtima'ie* pula adalah merupakan wang yang dibelanjakan bagi menjalankan aktiviti-aktiviti yang mendatangkan manfaat kepada ahli kariah masjid. Ini dikira sebagai sumbangan terbesar institusi masjid di dalam membantu meningkatkan kefahaman Islam kepada masyarakat Islam setempat. Di antara aktiviti yang utama ialah pendidikan seperti mengadakan kuliah-kuliah maghrib dan subuh, ceramah-ceramah umum dan menyediakan perpustakaan bagi memudahkan masyarakat Islam setempat memperoleh bahan-bahan bacaan khususnya yang berbentuk keagamaan (Roslan Mohamad, 2002: 4-5). Segala kos-kos seperti bayaran penceramah dan juga jamuan ringan yang disediakan akan ditanggung oleh pihak masjid. Selain itu, termasuk di dalam perbelanjaan *ijtima'ie* seperti penerbitan, bantuan masyarakat, wakaf aset dan mengadakan majlis sambutan perayaan Islam seperti sambutan Maulidur Rasul.

Kategori perbelanjaan *tijari* ialah dana yang disalurkan bagi membolehkan pihak pengurusan masjid terlibat di dalam aktiviti-aktiviti yang berorientasikan keuntungan seperti mengadakan koperasi masjid. Penubuhan koperasi masjid menurut Zakaria dan Mohd Kamal (2004:258-259) dapat membantu masjid menjalankan aktiviti-aktiviti seperti kursus-kursus berkala dan tidak

Asharaf Mohd Ramli, Abdullaah Jalil, Norman Hamdan, Asmaddy Haris, & Mohd Aizuddin Abd. Aziz. (2014). **Fatwa-fatwa Berkaitan Pengurusan Ekonomi dan Kewangan Masjid.** Jurnal Pengurusan dan Penyelidikan Fatwa, 4, 91-111.

berkala serta dividen keuntungan koperasi boleh digunakan untuk menyediakan kemudahan masjid, sebagai contohnya membina dewan masjid. Termasuk juga di dalam perbelanjaan tjari ialah modal yang digunakan untuk mengadakan program pendidikan, menjalankan aktiviti pertanian, pelaburan dan jualan. Kesemua aktiviti ini memerlukan perbelanjaan pendahuluan yang diambil dari dana masjid dan sekiranya mendapat keuntungan ianya akan dimasukkan ke dalam dana masjid. Lihat Carta 3 untuk ilustrasi.

Carta 3: Perbelanjaan Masjid



Fatwa-fatwa Berkaitan Pendapatan dan Perbelanjaan Masjid

Jadual 1 dan Jadual 2 adalah merupakan ringkasan dan pengkategorian fatwa berdasarkan model pengurusan ekonomi dan kewangan masjid yang telah dicadangkan di bahagian awal artikel ini. Jadual 1 mengumpulkan dan mengkategorikan fatwa-fatwa berkaitan pendapatan masjid. Manakala Jadual 2 pula mengumpulkan dan mengkategorikan fatwa-fatwa berkaitan perbelanjaan masjid.

Asharaf Mohd Ramli, Abdullaah Jalil, Norman Hamdan, Asmaddy Haris, & Mohd Aizuddin Abd. Aziz. (2014). **Fatwa-fatwa Berkaitan Pengurusan Ekonomi dan Kewangan Masjid**. Jurnal Pengurusan dan Penyelidikan Fatwa, 4, 91-111.

Di dalam menyediakan Jadual 1 dan Jadual 2, penyelidik merujuk kepada rujukan-rujukan fatwa bagi:

- Johor
- Melaka
- Pulau Pinang
- Kedah
- Brunei

Peringkat kedua analisa fatwa berkaitan pengurusan kewangan dan ekonomi masjid akan dikembangkan pada masa akan datang melibatkan fatwa negeri-negeri yang lain di Malaysia.

Jadual 1: Fatwa-fatwa Berkaitan Pendapatan Masjid

Bil	Kategori	Sub-Kategori	Fatwa	Rujukan
1	Dana Umum	Menyimpan wang Masjid di bank konvensional	Tidak sah menyimpan wang masjid di bank konvensional	Fatwa-fatwa Mufti Kerajaan Johor Jilid 1 ms. 246
2		Wang bank konvensional (<i>interest</i>) didermakan kepada masjid	1. Pihak masjid tidak boleh menerima wang tersebut. Wang tersebut perlu diserahkan kepada Baitulmal. 2. Fatwa berkenaan <i>interest</i> seperti diatas. Manakala jika bank memberi peralatan seperti peralatan hawa dingin bagi kepentingan masjid maka pihak masjid harus menerimanya. 3. Wang faedah bank (<i>interest</i>) hendaklah diserahkan kepada Baitulmal kerana ianya termasuk di dalam kategori wang yang tidak bertuan.	Fatwa-fatwa Mufti Kerajaan Johor Jilid 1 ms. 245 Fatwa Mufti Kerjaan Brunei-Isu-isu Kewangan ms. 542 (2000). Fatwa Mufti Kerajaan Negeri Melaka (Pejabat Mufti Negeri Melaka) ms. 32.
3		Tabung Kebajikan Am Di Masjid	Ianya hendaklah digunakan bagi perkara-perkara yang bersangkutan dengan sukan, pelajaran dan lain-lain. Tabung ini hendaklah tidak bersangkutan dengan masjid atau diletakkan di dalam masjid	Fatwa-Fatwa Yang Telah Dikeluarkan Jabatan Hal Ehwal Islam Pulau Pinang (April 1986) ms.143.
4		Memindahkan Wang Derma Suatu Masjid ke Masjid Yang Lain	Tidak harus. Kerana niat penderma menderma untuk masjid itu sahaja maka hendaklah ianya dipatuhi.	Fatwa Mufti Kerjaan Brunei-Isu-isu Kewangan ms. 522 (2000)
5		Hukum Menggerakkan Tabung Derma	Dibolehkan menggerakkan tabung derma selama tidak mengganggu ahli Jumaat dan eloknya sebelum khutbah Jumaat.	Fatwa Mufti Kerajaan Negeri Melaka (Pejabat Negeri Melaka) ms. 20-21.
6	Dana	Tabung Kebajikan Khas	Ianya hendaklah digunakan untuk	Fatwa-Fatwa

Asharaf Mohd Ramli, Abdullaah Jalil, Norman Hamdan, Asmaddy Haris, & Mohd Aizuddin Abd. Aziz. (2014). **Fatwa-fatwa Berkaitan Pengurusan Ekonomi dan Kewangan Masjid**. Jurnal Pengurusan dan Penyelidikan Fatwa, 4, 91-111.

	Khusus		perkara-perkara yang berkaitan dengan masjid dan juga kepentingan agama islam seperti menguruskan mayat, kelas fardhu ain dan lain-lain.	Yang Telah Dikeluarkan Jabatan Hal Ehwal Islam Pulau Pinang (April 1986) ms.143.
7		Kutipan Dana Masjid Baru Diguna Untuk Membina Surau	Kes ini berlaku disebabkan kerajaan tidak membenarkan didirikan masjid di kawasan Lahar Ikan Mati. Maka kutipan dana terbabit boleh digunakan untuk mendirikan surau di tempat terbabit supaya tidak terhenti pahala orang yang berniat berwaqaf wang untuk mendirikan masjid.	Fatwa-Fatwa Yang Telah Dikeluarkan Jabatan Hal Ehwal Islam Pulau Pinang (September 1988) ms.190.
8		Tujuan Tabung Masjid	Hendaklah dinyatakan dengan jelas tujuan tabung-tabung khas yang diwujudkan dan kemana wang terbabit disalurkan seperti derma Maulid Rasul dan Khatam Quran. Sekiranya terdapat lebihan disimpan untuk sambutan tahun hadapan.	Fatwa Mufti Kerjaan Brunei-Isu-isu Kewangan ms. 561, 575-577 (2000)
9		Tabung Khairat Kematian Yang Dipungut Bersama-sama Orang Islam dan Bukan Islam dan Dibahagikan Mengikut Giliran	Harus melakukan demikian dan sekiranya orang Muslim meninggal wang khairat akan diberi sebelum pengkebumian jenazah bagi meringankan beban waris. Bagi yang bukan Islam, wang khairat akan diberi selepas pengkebumian sebagai pertolongan kemanusiaan.	Fatwa Mufti Kerajaan Negeri Melaka (Pejabat Mufti Negeri Melaka) ms. 39.

Jadual 2: Fatwa-fatwa Berkaitan Perbelanjaan Masjid

Bil	Kategori	Sub-kategori	Fatwa	Rujukan
1	Idari	Zakat Wang Simpanan Masjid	Wang simpanan masjid tidak dikenakan zakat kerana ia tidak dimiliki oleh orang yang tertentu.	Fatwa-Fatwa Yang Telah Dikeluarkan Jabatan Hal Ehwal Islam Pulau Pinang (Mei 1983) ms.77.
2		Meruntuhkan Masjid Yang Buruk Dan Mendirikan Masjid Yang Baru Serta Hukum Perkakasan Masjid Boleh Dijual Atau Tidak	<p>1. Harus merobohkan masjid yang dianggap tidak selamat untuk digunakan. Perkakas-perkakas masjid yang masih elok perlu disimpan untuk kegunaan akan datang. Hanya perkakasan yang rosak contohnya kayu yang patah sahaja boleh dijual dan hasilnya dikembalikan kepada masjid. Sekiranya terdapat masjid lain yang berhajat kepada peralatan yang masih elok itu, maka harus diserahkan.</p> <p>2. Tapak masjid yang telah dirobuhkan hendaklah didirikan masjid yang baru. Peralatan masjid yang masih elok hendaklah digunakan pada masjid yang</p>	<p>Fatwa-fatwa Mufti Kerajaan Johor Jilid 1 ms. 245</p> <p>Fatwa-Fatwa Yang Telah Dikeluarkan Jabatan Hal Ehwal Islam Pulau Pinang (April 1963) ms.2,</p>

Asharaf Mohd Ramli, Abdullaah Jalil, Norman Hamdan, Asmaddy Haris, & Mohd Aizuddin Abd. Aziz. (2014). **Fatwa-fatwa Berkaitan Pengurusan Ekonomi dan Kewangan Masjid.** Jurnal Pengurusan dan Penyelidikan Fatwa, 4, 91-111.

			<p>baru. Manakala peralatan yang rosak hendaklah dijual dan hasil jualan diserahkan kepada masjid untuk kegunaan masjid baru.</p> <p>3. Harus robohkan masjid yang telah uzur dan tidak selamat untuk diunakan. Perkakasan masjid yang masih tidak boleh digunakan melainkan untuk dibuat masjid. Sekiranya tiada keperluan maka boleh digunakan untuk membuat surau atau madrasah. Dan sekiranya tiada berhajat kedua-duanya diharuskan menjual peralatan masjid seperti bumbung, dan tiang dan hasilnya dimasukkan kepada wakaf masjid.</p>	<p>21, 30, 33, 56-57,</p> <p>Himpunan fatwa Negeri Kedah Darul Aman (Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Kedah) ms. 137-138</p>
3		Derma Untuk Membaiki Masjid digunakan untuk membeli tikar, pembesar suara dan mesin rumput	Derma ini hanya khusus untuk membaiki masjid tidak boleh guna untuk tujuan lain. Sekiranya tidak terdapat kerosakan ianya disimpan untuk membaiki kerosakan pada masa akan datang. Derma baru perlu diwujudkan untuk membeli tikar atau perabot.	Fatwa Mufti Kerajaan Brunei-Isu-isu Kewangan ms. 516 (2000)
4	Ijtima'i	Menggunakan Wang Tabung Masjid Bagi Menampung Perbelanjaan Aktiviti-aktiviti Masjid Seperti Membayar Penceramah	Harus jika dinyatakan terlebih dulu tujuan tabung diadakan dan cara wang tersebut digunakan.	Fatwa Mufti Kerajaan Negeri Melaka (Pejabat Negeri Melaka) ms. 41.
5	Tijari	Berjual Beli Di Dalam Masjid	Haram berjual beli di dalam masjid sebagaimana hadis "Apabila kamu melihat sesiapa menjual atau membeli di dalam masjid, katakanlah kepadanya: allah tidak akan memberi keuntungan kepada perniagaan engkau".	Fatwa-Fatwa Yang Telah Dikeluarkan Jabatan Hal Ehwal Islam Pulau Pinang (Dis 1989) ms.218.
6		Membina Masjid Baru di atas Tapak Masjid Lama Dua Tingkat: Tingkat Pertama Lot Perniagaan dan Tingkat Kedua Masjid	Tidak diharuskan kerana kedua-dua tingkat dianggap masjid dan tidak boleh dijalankan jual beli di masjid.	Fatwa-Fatwa Yang Telah Dikeluarkan Jabatan Hal Ehwal Islam Pulau Pinang (Dis 1989) ms.24

Secara amnya, pihak penyelidik mendapati bahawa rujukan-rujukan fatwa bagi Johor, Pulau Pinang dan Brunei lebih banyak membincangkan isu-isu berkaitan pengurusan ekonomi dan kewangan masjid berbanding rujukan-rujukan fatwa bagi negeri Kedah dan Melaka.

Analisa Fatwa

Berdasarkan penelitian bagi fatwa-fatwa berkaitan masjid amnya dan pengurusan ekonomi dan kewangan masjid khasnya, penyelidik mendapati bahawa:

Asharaf Mohd Ramli, Abdullaah Jalil, Norman Hamdan, Asmaddy Haris, & Mohd Aizuddin Abd. Aziz. (2014). **Fatwa-fatwa Berkaitan Pengurusan Ekonomi dan Kewangan Masjid**. Jurnal Pengurusan dan Penyelidikan Fatwa, 4, 91-111.

- Fatwa-fatwa berkaitan pengurusan kewangan dan ekonomi masjid dibuat berdasarkan isu atau masalah yang dikemukakan dan tidak berbentuk garis panduan atau fungsi. Oleh itu, skop fatwa adalah terbatas dan tidak komprehensif.
- Pengkategorian fatwa di dalam sebahagian buku-buku fatwa tidak mempunyai satu format atau susunan yang seragam. Pengkategorian fatwa yang tidak seragam ini juga menyebabkan fatwa-fatwa tersebut bertebaran dan tidak dikumpulkan setempat. Ini menyukarkan pihak berkepentingan untuk merujuk kepada fatwa yang diperlukan.
- Fatwa-fatwa berkaitan institusi masjid tidak dikategorikan dengan lebih terperinci.
- Sebahagian fatwa juga berulang dan bertindih. Pengulangan masalah yang sama sepatutnya menunjukkan kekerapan dan keseriusan masalah yang dihadapi.
- Kekurangan definisi yang dapat membantu pentafsiran fatwa-fatwa yang diberikan. Sebagai contoh, definisi “masjid” yang dilarang berjual-beli dan sebagainya: Adakah ia meliputi kawasan ruang solat sahaja, atau termasuk kaki lima masjid atau termasuk ruang letak kereta dan semua kawasan di dalam pagar masjid?
- Terdapat sedikit perbezaan pendapat di antara majlis fatwa negeri-negeri terbabit, contohnya penerimaan dan penggunaan kadar faedah. Pihak pengurusan masjid sepatutnya pula terhadap keputusan majlis fatwa negeri dan wilayah masing-masing. Namun begitu, perbezaan itu bukanlah satu perkara yang berat.

Kesimpulan dan Cadangan

Model pengurusan ekonomi dan kewangan masjid mampu memberi panduan asas kepada pihak pengurusan masjid di dalam merancang, mentadbir dan mengawal selia pendapatan dan perbelanjaan masjid. Perolehan dana berbentuk umum dapat memberi ruang yang luas kepada pihak pengurusan masjid di dalam merangka aktiviti mereka. Namun begitu, dana khusus perlu dibentuk bagi tujuan tertentu bagi memastikan kejayaan kutipan dana bagi tujuan tersebut. Dari segi perbelanjaan pula, peranan masjid di dalam sektor *ijtima'i* patut diutamakan berbanding perbelanjaan *idari* dan *tijari*. Ini adalah kerana masjid bukanlah sebuah entiti perniagaan yang bermotifkan keuntungan. Namun begitu, dalam dunia hari ini, pihak masjid mungkin terpaksa melibatkan diri di dalam aktiviti *tijari* bagi menjamin kelangsungan aktiviti *ijtima'inya*.

Ketiadaan garis panduan berasaskan fatwa bagi pengurusan ekonomi dan kewangan masjid mungkin boleh menghalang kecekapan pengurusan ekonomi dan kewangan sesebuah masjid. Oleh itu, pihak Masjlis Agama Islam Negeri/Wilayah dan Jabatan Mufti Negeri/Wilayah dicadangkan agar menyediakan satu garis panduan khusus yang terperinci berasaskan fatwa

Asharaf Mohd Ramli, Abdullaah Jalil, Norman Hamdan, Asmaddy Haris, & Mohd Aizuddin Abd. Aziz. (2014). **Fatwa-fatwa Berkaitan Pengurusan Ekonomi dan Kewangan Masjid.** *Jurnal Pengurusan dan Penyelidikan Fatwa*, 4, 91-111.
(*fatwa-based guidelines*) berkenaan hukum Shariah berkaitan pendapatan dan perbelanjaan masjid. Ini bagi memastikan agar pentadbiran masjid dapat berjalan lebih lancar dan tidak dihambat dengan persoalan-persoalan hukum yang rumit dan mengelirukan. Penyelidikan dan kajian di masa akan datang sepatutnya menjurus ke arah membantu pihak berkuasa negeri/wilayah di dalam menyediakan garis panduan ini. Di antara isu-isu yang boleh dikaji di masa akan datang adalah seperti kaedah pelupusan harta atau aset masjid, gantirugi kerosakan atau kerugian dalam aktiviti pelaburan, bentuk-bentuk aktiviti *tijari* yang berpotensi tinggi serta peranan masjid dalam sistem ekonomi Islam.

Bibliografi

Abdullaah Jalil dan Muhamad Muda. 2008. *Pengurusan Dana Sedekah Secara Sistematik: Analisa Peranan Institusi Kerajaan dan Swasta.* *Jurnal Pengurusan JAWHAR*, Vol. 2, No.1, ms. 53-72.

Abdullah Hj Abdul Ghani. 2009. *Penjanaan dan pengurusan kewangan masjid.* Prosiding Seminar Pengurusan Masjid Peringkat Asean 2009. Universiti Utara Malaysia.

Abdullah Mat & Muhyidin Hj Aziz. 2002. *Konsep dan falsafah masjid.* Prosiding Seminar Pembangunan Masjid. Universiti Malaya.

Abdul Halim Abdul Majid. 2009. *Pengurusan sumber manusia dalam pengurusan masjid.* Prosiding Seminar Pengurusan Masjid Peringkat Asean 2009. Universiti Utara Malaysia.

Ahmad Mohamed Ibrahim. (1997). *Pentadbiran Undang-Undang Islam di Malaysia.* Kuala Lumpur: IKIM.

Al-Nabulsi, Muhammad Ratib. 2008. *Dawr al-masjid fi al-Islam.* Diakses di <http://www.nabulsi.com/text/05seera/9fiqhseera/fiqhseera-57.php> pada 12 Julai 2009.

Fatwa Mufti Kerajaan Brunei-Isu-isu Kewangan. 2000. Jabatan Mufti Kerajaan, Jabatan Perdana Menteri, Negara Brunei.

Fatwa Mufti Kerajaan Negeri Melaka. Tt. Pejabat Mufti Negeri Melaka.

Fatwa-Fatwa Mufti Kerajaan Johor. Tt Jilid 11.

Fatwa-Fatwa Mufti Kerajaan Johor. Tt. Jilid 1.

Fatwa-Fatwa Mufti Kerajaan Terengganu. 2000. Jabatan Hal E gama Agama Terengganu.

Fatwa-Fatwa Yang Telah Dikeluarkan Jabatan Hal E hwal Islam Pulau Pinang Tahun 1961-1989. Jilid 1. Tt

Asharaf Mohd Ramli, Abdullaah Jalil, Norman Hamdan, Asmaddy Haris, & Mohd Aizuddin Abd. Aziz. (2014). **Fatwa-fatwa Berkaitan Pengurusan Ekonomi dan Kewangan Masjid**. Jurnal Pengurusan dan Penyelidikan Fatwa, 4, 91-111.

Himpunan Fatwa Negeri Kedah Darul Aman. Tt. Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Kedah. Joni Tamkin dan Che Zarian Sa'ari. 2002. *Pembangunan Ekonomi Masjid*. Seminar Pembangunan Masjid. Universiti Sains Islam Malaysia.

Roslan Mohamed. 2002. *Keberkesanan Program Masjid: Kajian Umum Masjid-Masjid Di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur*. Prosiding Seminar Pembangunan Masjid. Universiti Malaya.

Siti Mashitoh. 2004. *Pengurusan Masjid Menurut Perspektif Undang-Undang di Malaysia*. Prosiding Seminar Pengurusan Masjid. Universiti Utara Malaysia

www.jcorp.com.my

Zakaria Bahari dan Mohd Kamal Omar. 2004. *Penjanaan Dana Pengurusan Masjid*. Prosiding Seminar Pengurusan Masjid. Universiti Utara Malaysia.